

FAQ HIBAH TH 2018

1. **Berapakah jumlah Hibah Pendeposit TH 2018?**

Pada kadar tahunan 1.25% yang berjumlah RM913 juta.

2. **Bagaimana cara pengiraan Hibah Tahunan TH 2018?**

Cara pengiraan hibah adalah berdasarkan purata baki simpanan bulanan terendah tahun 2018 x 1.25%

= (Baki minima Jan-Dis 2018 / jumlah bulan(12)) x 1.25%

3. **Bilakah Hibah Pendeposit 2018 boleh dikreditkan?**

Hibah boleh disemak mulai 8 April 2019 (Isnin)

4. **Adakah TH memberikan Hibah Haji tahun 2018 sepertimana tahun sebelum ini ?**

Tidak.

5. **Mengapa Hibah Pendeposit TH 2018 lebih rendah berbanding tahun lalu?**

TH memberi Hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 22.

Hibah merupakan hadiah yang tidak disyaratkan ke atas **TH** untuk diberikan kepada pendepositnya. Di bawah kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah, keuntungan yang dijana oleh **TH** menggunakan dana simpanan pendeposit hanya menjadi hak milik pendeposit apabila **TH** memberi Hibah kepada pendeposit sebagai tambahan kepada simpanan pokok pendeposit.

Bagi tahun 2018, sebahagian daripada keuntungan bersih tahun semasa berjumlah RM1.63 bilion tersebut tidak dapat diagihkan sebagai Hibah kerana **TH** tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 22 yang mengkehendaki jumlah aset kekal lebih tinggi daripada jumlah liabiliti selepas pemberian Hibah kepada pendeposit.

FAQ HIBAH TH 2018

6. **Adakah keuntungan dari pelaburan TH terlalu sedikit sehingga menyebabkan kadar Hibah tahunan berubah lebih rendah ?**

Pendapatan tahunan TH hampir sama pada tahun sebelumnya tetapi terdapat pelarasan rosot nilai dalam pelaburan bagi memenuhi keperluan piawaian perakaunan baru.

7. **Adakah kadar peratusan hibah tahunan akan berubah mengikut keuntungan TH pada tahun berikutnya?**

TH memberi Hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995 di bawah Seksyen 22..

8. **Apakah kelebihan kepada pendeposit untuk membuat simpanan di TH selain daripada simpanan ke arah menunaikan haji (terutama bagi pendeposit yang telah menunaikan haji) sekiranya Hibah tahunan yang diberikan sedikit?**

- Simpanan dijamin 100% oleh Kerajaan Malaysia
- Simpanan berlandaskan syariah Islam
- Hibah dikecualikan daripada bayaran cukai
- Pendeposit secara tidak langsung membantu Jemaah haji melalui tanggungan kos haji

9. **Mengapakah perkara ini tidak dimaklumkan terlebih awal kepada pendeposit agar pendeposit bersedia untuk membuat pelaburan di tempat lain sekiranya Hibah diberikan lebih rendah?**

- Pengumuman Hibah bagi tahun 2018 dibuat setelah semakan terhadap kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi tahun 2018 dimuktamadkan.
- Tempoh masa yang lebih diperlukan untuk memastikan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir 2018 yang belum diaudit mematuhi sepenuhnya penggunaan *Malaysian Financial Reporting Standard 9* (MFRS 9) yang mula diperkenalkan pada tahun 2018.
- Pihak TH juga sedang mengemaskini dan menambah baik Pelan Penstrukturan dan Pemulihan TH di mana ia akan dibentangkan untuk kelulusan Jemaah Menteri.

Ini penting dalam memastikan sebarang pengagihan Hibah yang akan dibuat adalah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Akta Tabung Haji 1995.

FAQ HIBAH TH 2018

10. **Adakah keputusan yang dibuat oleh TH berkait dengan isu politik semasa mahupun berkemungkinan di atas pertukaran pengurusan baru TH?**

Tidak. **TH** merupakan Badan Berkanun yang diuruskan oleh golongan professional dan anggota Lembaga **TH** bertanggungjawab untuk memantau aktiviti perniagaan dan operasi **TH**.

11. **Jika dibandingkan dengan peratusan Hibah tahun sebelum ini, TH mampu memberikan pulangan Hibah tahunan yang memuaskan atau seiring dengan institusi perbankan yang lain. Sedangkan pada ketika itu, pendeposit TH tidak seramai sekarang dan pelaburan yang dijalankan oleh TH juga tidak sebanyak sekarang? Mohon penjelasan berkenaan perkara ini.**

TH untuk 4 tahun kebelakangan telah mengagihkan Hibah yang melanggar Akta Tabung Haji. Ini adalah kerana Hibah masih diagihkan walaupun jumlah aset lebih rendah berbanding jumlah tanggungan yang mana terdiri daripada simpanan pendeposit.

12. **Adakah Hibah haji akan diberikan/peratusan yang diberikan juga akan dikurangkan?**

Tiada Hibah Haji akan diagihkan untuk tahun 2018.

13. **Sekiranya ramai pendeposit membuat pengeluaran wang simpanan dalam jumlah yang besar/menutup akaun TH, adakah pendeposit yang kekal akan terkesan?**

Pendeposit yang kekal tidak akan terkesan dengan pengeluaran wang oleh pendeposit lain kerana seperti sedia maklum, simpanan di **TH** adalah dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

14. **Bolehkan saya membuat pengeluaran kesemua wang simpanan saya di TH?**

- Pendeposit boleh membuat pengeluaran keseluruhan wang di dalam akaun **TH**.
- Jika pendeposit telah mendaftar haji dan mengeluarkan keseluruhan wang daripada akaun, pendaftaran dan peruntukan tahun haji yang telah dibuat akan terbatal.

FAQ HIBAH TH 2018

15. **Adakah TH mempunyai sebarang perancangan pada masa akan datang bagi mengelakkan Hibah Tahunan menurun lantas mengembalikan kepercayaan pendeposit untuk membuat simpanan di TH ?**

- TH akan melaksanakan pelan strategik yang menekankan penilaian dan penstrukturan semula aset bagi memastikan pulangan yang kompetitif dan stabil.
- Pelan ini dijangka dapat membina semula rizab di TH untuk membolehkan pengagihan Hibah dilakukan pada masa hadapan.
- TH juga sentiasa meneroka peluang-peluang pelaburan baru yang memberi pulangan yang lebih stabil kepada pendeposit seperti Sukuk.

16. **Adakah TH akan meneruskan subsidi haji?**

InsyaAllah, TH akan meneruskan tanggungan kos haji, bergantung kepada keupayaan TH dan pandangan daripada para ulamak serta Kerajaan.

17. **Siapakah yang layak menerima Hibah Tahunan 2018?**

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan TH yang berstatus aktif dalam tahun 2018 layak menerima Hibah tahun 2018 pada kadar yang diumumkan termasuk mereka yang telah melabur melalui akaun KWSP (EPF).

18. **Bagaimanakah bayaran Hibah Tahunan dilaksanakan?**

Hibah akan dikreditkan ke dalam akaun-akaun simpanan yang masih aktif dan boleh disemak melalui kaunter-kaunter TH, Bank Islam dan Bank Rakyat atau di *Automated Teller Machine* (ATM) dan portal internet bank-bank rakan strategik - Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB Bank mulai 8 April 2019.

Bagi akaun-akaun simpanan yang telah ditutup, pendeposit atau waris pusaka perlu hadir ke pejabat-pejabat cawangan TH yang berdekatan.

19. **Apa nasihat dan saranan TH kepada pendeposit dalam situasi ini?**

- Pendeposit tidak perlu risau kerana semua simpanan di TH adalah selamat.
- TH mempunyai aset-aset strategik yang berpotensi tinggi dan pelan strategik yang akan dilaksanakan akan memastikan rizab di TH dapat dibina semula untuk

FAQ HIBAH TH 2018

mbolehkan pengagihan Hibah pada masa hadapan.

20. Perlukah saya membayar zakat ke atas simpanan TH?

Keuntungan boleh diagihkan sebagai Hibah adalah setelah ditolak zakat **TH** dan pengiraan zakat adalah berlandaskan kaedah 'Modal Kerja Terlaras'. Pendeposit tidak perlu membayar zakat ke atas simpanan mereka kerana **TH** telah membayar zakat selaras dengan keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam Malaysia Kali ke-17 pada 3 Mei 1979.

20(a). Bagaimanakah cara pengiraan zakat TH?

Pengiraan zakat **TH** adalah berdasarkan kaedah 'Modal Kerja Terlaras'.

20(b). Mengapakah bayaran Zakat TH lebih tinggi pada tahun 2018?

Bayaran zakat **TH** 2018 lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan tahap kewangan modal kerja terutamanya wang tunai.

21. Siapakah yang layak menerima Hibah Tahunan?

Semua pendeposit yang mempunyai akaun simpanan **TH** yang berstatus aktif sehingga 31 Disember 2018, layak menerima hibah tahun 2018 pada kadar yang diisytiharkan.

22. Apakah maksud Hibah Tahunan?

Hibah Tahunan adalah "hadiah" yang diisytihar oleh **TH**, berdasarkan konsep simpanan Wadiah Yad Dhamanah iaitu mengikut kemampuan kewangan **TH** pada tahun semasa.

23. Bagaimanakah bayaran Hibah Tahunan dibuat?

Bayaran Hibah Tahunan ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun pendeposit.

24. Apakah perbezaan pengagihan Hibah Tahunan berbanding dividen yang ditawarkan oleh dana lain seperti KWSP, ASB, atau Unit Amanah?

TH menawarkan akaun simpanan berkonsepkan Wadiah Yad Dhamanah, di mana ia adalah berbeza dengan konsep akaun pelaburan yang ditawarkan oleh dana-dana lain. Para pendeposit boleh mengeluarkan simpanan pada bila-bila masa tanpa dikenakan

FAQ HIBAH TH 2018

penalti dan tiada sekatan dikenakan untuk mengeluarkan simpanan tersebut. Oleh sebab itu, pengiraan Hibah tahunan **TH** mungkin berbeza dengan pengiraan pelaburan yang ditawarkan oleh organisasi lain. Para Pendeposit boleh mengeluarkan simpanan dan menodeposit simpanan pada bila-bila masa tanpa dikenakan sekatan, caj atau tertakluk kepada turun naik harga unit apabila membuat pengeluaran. Jenis pelaburan dan tahap risiko yang diambil juga berbeza. Oleh sebab itu, penentuan kadar agihan pengiraan Hibah tahunan **TH** mungkin berbeza dengan kadar pulangan yang ditawarkan oleh dana-dana lain.

25. Pengumuman baru-baru ini mengatakan subsidi haji akan diteruskan seperti biasa. Adakah ini menyebabkan kadar Hibah Tahunan terkesan?

TH menanggung kos langsung haji sebanyak RM315 juta dan kos tidak langsung haji sebanyak RM60 juta. Keuntungan boleh diagihkan sebagai Hibah adalah setelah ditolak kos-kos operasi termasuk kos haji. Maka, jumlah Hibah yang boleh diagihkan akan terkesan dengan jumlah kos haji yang ditanggung oleh **TH** dalam satu-satu tahun.

26. Mengapa para pendeposit perlu menanggung kos subsidi haji?

Para pendeposit telah/akan mendapat manfaat apabila ibadah haji dilakukan pada kali pertama. Walau bagaimanapun, disebabkan kos haji yang semakin meningkat setiap tahun, konsep subsidi haji yang telah digunakan akan dikaji semula yang berteraskan konsep Istitho'ah (mampu).

27. Disebabkan kadar Hibah Tahunan yang diagihkan adakah lebih rendah dari tahun sebelum ini, adakah terdapat risiko **TH untuk kehilangan pendeposit pada masa akan datang?**

- Pihak **TH** menjangkakan terdapat risiko pengeluaran simpanan deposit yang ketara selepas pengisytiharan Hibah Tahunan **TH** diumumkan.
- Pendeposit tidak perlu risau kerana semua simpanan di **TH** adalah selamat.
- **TH** mempunyai aset-aset strategik yang berpotensi tinggi dan pelan strategik yang akan dilaksanakan akan memastikan rizab di **TH** dapat dibina semula untuk membolehkan pengagihan Hibah yang lebih kompetitif pada masa hadapan.

FAQ HIBAH TH 2018

28. **Apakah kadar Hibah Tahunan yang telah diagihkan kepada para pendeposit sebelum ini?**

Kadar Hibah Tahunan dan Hibah Haji yang telah diagihkan kepada pendeposit adalah seperti berikut:

Tahun	Hibah Tahunan		Hibah Haji		Jumlah
	%	RM Juta	%	RM Juta	RM Juta
2017	4.50	3,042	1.75	282	3,324
2016	4.25	2,646	1.25	225	2,871
2015	5.00	2,807	3.00	413	3,220
2014	6.25	2,988	2.00	249	3,237
2013	6.00	2,409	2.00	223	2,632
2012	6.50	2,141	1.50	317	2,458
2011	6.00	1,678	-	-	1,678
2010	5.50	1,332	-	-	1,322
2009	5.00	897	-	-	897
2008	5.00	1,061	-	-	1,061

29. **Mengapa TH menggunakan terminologi pemberian Hibah dan bukan dividen?**

Akaun simpanan **TH** adalah berasaskan konsep Wadi'ah Yad Dhamanah. Di bawah kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah, **TH** bertindak sebagai pemegang amanah ke atas deposit simpanan yang diterima daripada pendeposit **TH**. Oleh kerana **TH** dibenarkan untuk menggunakan dana simpanan tersebut, **TH** bertanggungjawab menjamin simpanan tersebut dan memulangkan apabila pendeposit memohon untuk dikembalikan. Sebagai penghargaan kebolegunaan dana simpanan pendeposit, **TH** atas kehendaknya dan tanpa bersyarat boleh memberikan Hibah kepada pendeposit berdasarkan kemampuan kewangan dan mengikut kehendak Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

30. **Apakah perbezaan antara pemberian Hibah dan dividen?**

Hibah tidak sama dengan dengan dividen. Hibah merupakan 'hadiah' yang tidak disyaratkan ke atas **TH** untuk diberikan kepada pendepositnya. Manakala, dividen merujuk

FAQ HIBAH TH 2018

kepada pemberian sebahagian atau keseluruhan keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang saham atau rakan kongsi. Baki keuntungan yang belum diberi sebagai dividen adalah milik pemegang saham atau rakan kongsi sedia ada sehingga pegangan saham atau perkongsian tersebut bertukar atau dilepaskan.

Di bawah kontrak Wadi'ah Yad Dhamanah, keuntungan yang dijana oleh **TH** menggunakan dana simpanan pendeposit hanya menjadi hak milik pendeposit apabila **TH** memberi Hibah kepada pendeposit sebagai tambahan kepada simpanan pokok pendeposit. Ini juga bermakna, simpanan pokok pendeposit tidak terjejas jika **TH** merekodkan kerugian kerana pendeposit tidak mengikat kontrak dengan **TH** untuk berkongsi keuntungan atau kerugian semasa meniagakan dana pendeposit. **TH** bertindak sebagai pemegang amanah ke atas deposit simpanan yang diterima daripada pendeposit **TH**.

31. Mengapa pemberian Hibah oleh TH tidak kompetitif seperti PNB dan KWSP?

Berlainan dengan PNB dan KWSP, akaun yang dibuka oleh pendeposit di **TH** adalah merupakan akaun simpanan berkonsepkan Wadi'ah Yad Dhamanah dan memiliki ciri-ciri akaun simpanan seperti ditawarkan oleh institusi perbankan Islam lain, iaitu tiada had kekerapan bagi transaksi simpanan atau pengeluaran dan **TH** atau pihak bank bertindak sebagai pemegang amanah ke atas deposit simpanan yang diterima daripada pendeposit. Oleh kerana **TH** atau pihak bank dibenarkan untuk menggunakan dana simpanan tersebut, **TH** atau pihak bank bertanggungjawab menjamin simpanan tersebut dan memulangkan apabila pendeposit memohon untuk dikembalikan.

Kadar Hibah tahun 2018 masih selari dengan kadar simpanan akaun Wadi'ah di institusi-institusi perbankan Islam yang memberikan kadar Hibah antara 0.70% hingga 1.04% setahun.

32. Mengapa TH masih tidak dapat memberi Hibah yang tinggi walaupun setelah aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan yang rendah telah dijual kepada SPV?

Pemindahan aset-aset yang mengalami kejatuhan nilai dan memberi pulangan yang rendah kepada SPV milik penuh Kerajaan hanya selesai pada akhir tahun 2018 bagi memulihkan kedudukan kewangan **TH** dengan menutup jurang defisit di antara aset dan liabiliti yang dialami untuk membolehkan pemberian Hibah dibuat selaras dengan Akta Tabung Haji 1995 yang mengkehendaki jumlah aset **TH** tidak kurang daripada jumlah liabiliti **TH** sebelum Hibah boleh diisytihar dan diberi kepada pendeposit.

Berdasarkan Penyata Kewangan pada 31 Disember 2017 yang telah diaudit, jumlah aset yang dimiliki **TH** adalah RM70.3 bilion, berbanding nilai liabiliti, terdiri daripada jumlah simpanan deposit dan tanggungan sebanyak RM74.4 bilion. Oleh yang demikian, terdapat

FAQ HIBAH TH 2018

defisit sebanyak RM4.1 bilion pada akhir tahun 2017.

Kedudukan kewangan pada hujung 2018 yang belum diaudit kini menunjukkan **TH** memiliki aset berjumlah RM76.5 bilion berbanding jumlah deposit simpanan dan tanggungan sebanyak RM75.5 bilion sebelum bayaran Hibah dibuat. Kedudukan kewangan **TH** yang kini lebih kukuh selepas pemindahan aset-aset yang telah dikenalpasti kepada SPV telah membolehkan Hibah kepada pendeposit diisytihar mengikut Akta Tabung Haji 1995.

33. **Benarkah nilai saksama aset-aset yang dipindahkan lebih rendah daripada nilai pemindahan RM19.90 bilion dan apakah kesan kepada penyata kewangan TH?**

Ya, nilai saksama aset-aset yang telah dipindah kepada SPV adalah lebih rendah daripada nilai pemindahan. Walau bagaimanapun, **TH** sebagai penjual aset-aset tersebut akan merekodkan nilai saksama di penyata kewangan berdasarkan nilai kini (*present value*) jumlah penyelesaian yang akan dibayar oleh SPV. Memandangkan pembayaran balik nilai pemindahan berjumlah RM19.90 bilion adalah tertunda ke hadapan, nilai saksama amaun tertunggak tersebut adalah ditentukan oleh nilai kini aliran tunai masa hadapan pada kadar diskaun yang bersesuaian.

34. **Sekiranya aset-aset ini tidak dipindahkan berapakah rosot nilai TH pada tahun berakhir 2018?**

Sekiranya aset-aset tidak dipindahkan ke SPV pada akhir tahun 2018, jumlah rosot nilai akan bertambah kepada RM2.3 bilion, meningkat sebanyak RM0.8 bilion berbanding RM1.5 bilion direkodkan setelah aset dipindahkan. Keuntungan tahun 2018 akan terjejas kesan peningkatan jumlah rosot nilai tersebut. Selaras dengan pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9) yang telah berkuatkuasa 1 Januari 2018, **TH** tidak lagi mengiktiraf sebarang rosot nilai ke atas pegangan ekuiti tersenarainya. Oleh yang demikian, kerugian belum realis pada akhir tahun 2018 berjumlah RM8.4 bilion bagi ekuiti tersenarai yang telah dipindahkan akan meningkatkan rizab nilai saksama FVOCI daripada sedia ada negatif RM1.2 bilion kepada negatif RM9.6 bilion jika aset-aset tersebut tidak dipindahkan pada akhir tahun 2018.

35. **Berapakah penjanaan pendapatan yang dapat dihasilkan oleh TH melalui pegangan Sukuk yang diterbitkan oleh SPV untuk mengambil alih aset-aset TH yang terjejas?**

TH akan menjana pendapatan sebanyak RM800 juta setahun melalui transaksi ini.